

diRasmikan

BADAN Kesenian Melaju akan merasmikan gelanggang seni silat yang ditubuhkan di bawah naungan Angkatan Tentera West, Naval Base 23 Jun. Kursus silat yang telah berjalan sejak sebulan lalu di gelanggang yang terletak di Depan Blok 146, akan berakhir pada 15 Julai. Enrek Bari Alang, orang guru silat di sini. Sejaht ini seramai 40 orang murid — 30 lelaki dan 10 perempuan — menyertai kursus tersebut.

Hukum berat utk badan silat haram

24 AUG 1974

HUKUMAN yang paling berat akan dikenakan pada seliap orang yang mengurus atau membantu sesebuah pertubuhan seni mempertahankan diri yang tidak didaftarkan.

Mereka boleh dihukum denda hingga \$4,000 atau penjara hingga lima tahun atau keduanya — denda \$4,000 dan penjara lima tahun.

Keperluan itu terkandung dalam Undang-Undang Pengajaran Seni. Mempetahankan Diri yang akan dikuatkuasakan mulai 2 September, seperti yang diumumkan oleh Kementerian Halahwal Dalam Negeri semalam. Undang-Undang yang bertujuan untuk menge-

Oleh GUNTOR SADALI

kang "kemasukan anggota-anggota kumpulan haram" itu mewujudkan pertubuhan - pertubuhan seni mempertahankan diri, instraktor-instraktor dan orang-orang yang ingin mempelajari sesuatu seni itu supaya mendaftarkan diri.

Instraktor

Kenyataan itu menyatakan bahawa seliap orang yang mengurus atau membantu pertubuhan seni mempertahankan diri yang tidak

berdaftar boleh didenda dengan berat.

Instraktor - instraktor yang tidak berdaftar pula boleh didenda hingga \$2,000 atau penjara hingga enam bulan atau keduanya sekali.

Manakala, orang-orang yang tidak mendaftarkan tetapi menerima latihan seni mempertahankan diri boleh didenda hingga \$2,000 atau penjara hingga enam bulan atau kedua-duanya sekali.

Borang-borang permohonan untuk mendaftarkan pertubuhan seni mempertahankan diri, instraktor-instraktor dan orang-orang yang ingin mempelajari seni itu boleh didapati dari Yunit Mengawal Seni Mempertahankan Diri, Kementerian Halahwal Dalam Negeri, Lower Barracks, Tingkat Dua, Pearl's Hill (2).

Borang - borang bagi pertubuhan-pertubuhan hendaklah dianda-tangani oleh tiga orang pegawai pertubuhan itu dan ka-lau pertubuhan itu mempunyai kurang dari tiga orang pegawa-

wai dalam pertubuhan itu hendaklah menurunkan tandatangan mereka.

24 AUG 1974

Satu siji akan diterbitkan selepas satu penderatan itu diuliskan. Yuran yang dikenakan ialah \$50.

Satu siji juga akan dipertikan kepada instraktor dan orang-orang yang ingin mempelajari seni mempertahankan diri selepas penderatan mereka diuliskan. Yuran bagi instraktor ialah \$100 setahun, sementara bagi orang-orang yang ingin belajar pula ialah \$50 setahun.

Menurut kenyataan itu, pada akhir 1973, ada 128 pertubuhan seni mempertahankan diri di Singapura. **MUKA 8 Ruang 5**